

Pengangkutan awam di landasan betul

KUALA LUMPUR 17 Julai – Pelancaran Transit Aliran Massa (MRT) Fasa Kedua Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) hari ini merupakan penanda aras kepada usaha kerajaan yang konsisten dalam meningkatkan dan memperbaiki rangkaian pengangkutan awam bandar terutama di Lembah Klang.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, Laluan SBK yang merangkumi laluan sejauh 51 kilometer itu akan memberi kemudahan akses lebih baik kepada pengguna, malah dijangka dapat menampung 150,000 penumpang sehari berbanding bilangan semasa iaitu 15,000 penumpang.

Ujar beliau, peningkatan itu sejajar dengan pembinaan 31 stesen yang mana tujuh daripadanya adalah laluan bawah tanah selepas perjalanan dari Semantan-Kajang mula beroperasi.

“Laluan yang beroperasi di lorong bawah tanah adalah sejauh 9.5 kilometer dan Stesen Tun Razak Exchange (Trx) merupakan stesen paling dalam iaitu 45 meter di bawah tanah, manakala selebihnya bertingkat seperti biasa.

“Fasa Satu MRT dari Sungai Buloh ke Semantan merekodkan sejumlah dua juta penumpang sejak operasinya bermula pada Disember tahun lepas.

Menerusi pembukaan Semantan-Kajang hari ini, saya percaya jumlah penumpang akan bertambah,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Tiong Lai, pertambahan itu dilihat selaras dengan usaha berterusan Kementerian Pengangkutan yang menjangkakan penurunan kira-kira 160,000 kenderaan di jalan raya setiap hari selepas MRT beroperasi sepenuhnya.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 10 | 18 JULAI 2017